

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Satu daripada kemahiran yang perlu dimiliki pelajar ialah kemahiran dwibahasa. Ini melibatkan sekurang-kurangnya **(1)** boleh berinteraksi dalam sistem komunikasi antarabangsa dan global. Pada masa hadapan, pemerintah ingin memastikan agar para pelajar mampu **(2)** kuasa bahasa Inggeris dan dapat menggunakannya ketika diperlukan. Oleh itu, terdapat pelbagai teknik **(3)** belajar bahasa Inggeris yang boleh dipraktikkan oleh para pelajar. **(4)** Amal mempelajari bahasa Inggeris juga merupakan elemen terhadap kemahiran bahasa tersebut. Hal ini boleh dilakukan dengan cara yang kreatif seperti mendengar lagu atau siaran radio **(5)** bahasa Inggeris selain menonton drama atau filem Inggeris. Bahan yang autentik dapat membantu pelajar menghayati penggunaan bahasa Inggeris dalam konteks yang lebih semula jadi.

(Dipetik dan diubah suai daripada artikel 'Sukarkah Bahasa Inggeris' Dewan Siswa Oktober 2015)

2
SOALAN A2 (10 MARKAH)

ARAHAN: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) belayar sampai ke pulau
- (B) tukang tidak membuang kayu
- (C) kusut di hujung, bawa ke pangkal
- (D) sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- (E) hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa
- (F) di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- (G) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (H) berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau jua
- (I) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri
- (J) seperti menghela rambut dalam tepung, rambut jangan putus tepung jangan berserak

Zain selalu dipuji guru-gurunya dan rakan sekelas kerana mempunyai tabiat yang tidak mudah mengaku kalah. Setiap kali diberikan projek berkumpulan, Zain selalu dilantik sebagai ketua kumpulan kerana kebijaksanaannya meleraikan masalah yang rumit **(6)** _____. Bagi Zain, sekiranya tiada persetujuan semasa perbincangan dia akan pastikan isu tersebut diselidiki semula, bak kata pepatah **(7)** _____. Namun, sebagai seorang ketua, Zain dianggap degil dan tidak mendengar kata-kata rakan projek yang lain. Setiap kemahuan Zain harus dituruti rakan-rakannya seperti pepatah **(8)** _____. Namun bagi Zain, setiap rakan di dalam kumpulan projeknya amat dia sayangi kerana masing-masing ada kegunaan tersendiri seperti pepatah **(9)** _____. Dia juga berpegang teguh kepada prinsip yang mana setiap pekerjaan yang diberikan perlu dilaksanakan sehingga sempurna seperti **(10)** _____. Zain benar-benar ingin menjadi seorang pemimpin dalam sebuah syarikat yang ternama apabila dia dewasa nanti.

Soalan A3 (10 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

berusaha	dari	daripada
harapan	kurang	lemah
perkara	punca	

Tekanan perasaan merupakan satu perkara yang sangat umum dan biasa dialami oleh para pelajar. Antara **(11)** _____ tekanan perasaan yang biasa dikenal pasti termasuklah rasa letih akibat terlalu banyak maklumat yang perlu dihafal dan dipelajari. **(12)** _____ ibu bapa dan guru yang menggunung tinggi juga memainkan peranan utama terhadap tekanan perasaan. Ada pelajar berasa semakin bersemangat untuk **(13)** _____ apabila perasaannya tertekan menjelang peperiksaan. Namun, ada pelajar dapat merasakan **(14)** _____ bersemangat apabila terlalu kuat dihimpit oleh tekanan perasaan. Justeru, tekanan perasaan selalunya dipandang **(15)** _____ sudut yang negatif. Pelajar memandang tekanan perasaan sebagai sesuatu yang menghalang kebolehan mereka untuk lebih berjaya.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1**Pelbagai Jenis Sate**


Sate atau kadangkala ditulis sebagai satay adalah makanan yang disediakan dari potongan daging. Daging **dihiris** kecil-kecil, dan dicucuk dengan lidi sate yang biasanya dibuat daripada bambu. Kemudian ia pula dibakar menggunakan bara.

Sate berasal dari Jawa, Indonesia. Sate amat terkenal di negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Singapura, Filipina dan Thailand. Sate juga terkenal di Belanda yang dipengaruhi masakan Indonesia yang dahulunya merupakan koloninya.

Resipi dan cara pembuatan sate beraneka jenis bergantung kepada cara rakyat di setiap negara Asia Tenggara menyiapkannya. Hampir setiap jenis daging boleh digunakan untuk dijadikan sate. Sebagai negara asal yang memulakan sate, penjual sate di Indonesia memiliki pelbagai jenis resipi sate.

Sate Buntel

Sate buntel, adalah sejenis sate yang dibuat daripada daging kambing yang dihiris halus dan dibungkus dengan lemak kambing lalu dibakar. Sate buntel enak dimakan bersama kicap manis.

**Sate Kerang**

Sate kerang adalah sate kegemaran penduduk di kota Surabaya. Sate kerang dibuat daripada daging kerang. Keunikan sate ini ialah daging kerang yang digunakan tidak dibakar atau dipanggang. Ia direbus dan biasanya disajikan bersama lontong, kicap manis dan sambal.

**Sate Kalon**

Sate Kalon adalah makanan khas penduduk Cirebon. Sate ini menggunakan daging kerbau yang dihaluskan. Rasanya manis seperti daging dendeng. Ia dinamakan Sate Kalon kerana, penjual Sate Kalon hanya keluar menjual pada waktu subuh dan kembali selepas berjualan sepanjang malam.

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 16 Penjual sate di Indonesia yang memulakan tradisi menjual sate _____.
- (A) memiliki pelbagai jenis resipi sate
 - (B) merupakan penjual sate yang paling terkenal di Asia Tenggara
 - (C) menyiapkan sate yang disediakan dari potongan daging sahaja
 - (D) beraneka jenis bergantung kepada cara rakyat di setiap negara Asia Tenggara menyiapkannya
- 17 Sate yang menggunakan daging kambing _____.
- (A) tidak dibakar atau dipanggang
 - (B) akan dihiris sahaja untuk dibakar sebagai Sate Buntel
 - (C) biasanya disajikan bersama lontong, kicap manis dan sambal
 - (D) akan dicencang dan dibungkus dengan lemak kambing lalu dibakar sebagai Sate buntel
- 18 Perkataan **dihiris** membawa maksud untuk _____.
- (A) disiang
 - (B) dibelah
 - (C) dipotong
 - (D) digunting

Pertandingan sukan peringkat kejiranan akan dilancar di serata negara

Tidak lama lagi, penduduk di serata Singapura boleh menyertai sukan peringkat kejiranan di estet kejiranan masing-masing.

Sukan tersebut ialah hasil Pertandingan Jawatankuasa Kejiranan yang bakal diadakan di serata negara buat julung-julung kalinya.

Pertandingan-pertandingan tersebut akan diadakan antara bulan April dan Disember. Tujuannya adalah menonjolkan pelbagai sukan yang diubahsuai untuk menggalak para penduduk mengambil bahagian dan giat bersukan.

Perlawanan di peringkat kejiranan tersebut adalah sebahagian daripada Sukan Masyarakat Singapura (SCG), di mana para peserta menyertai pertandingan di peringkat nasional.



Pertandingan SCG tahun ini menampilkan sukan bola keranjang, boling, badminton, sepak takraw dan tenis meja.

Pertandingan-pertandingan tersebut akan diadakan di peringkat nasional, dan perlawanan peringkat akhir akan diadakan pada Jun ini di Politeknik Republik.

Untuk menggalak lebih ramai penduduk supaya turut serta dalam sukan pula, Persatuan Rakyat akan bekerjasama dengan pelbagai persatuan sukan nasional untuk menganjurkan 50 bengkel sukan dan klinik-klinik spontan di pelbagai lokasi kejiranan.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 19 Antara bulan April dan Disember, rakyat Singapura berpeluang _____.
- (A) menonjolkan pelbagai sukan
 - (B) bekerjasama bersama Persatuan Rakyat
 - (C) mengambil bahagian dalam pelbagai sukan
 - (D) menyertai sukan peringkat kejrangan di estet kejrangan masing-masing
- 20 Sukan Masyarakat Singapura (SCG) menganjurkan _____.
- (A) sukan bola keranjang dan boling sahaja
 - (B) sukan badminton dan sepak takraw sahaja
 - (C) perlawanan peringkat akhir di Politeknik Republik
 - (D) 50 bengkel sukan dan klinik-klinik spontan di pelbagai lokasi kejrangan

8
BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

“Syarikat Encik Shauki dalam bahaya. Pihak bank akan mengambil tindakan mahkamah sekiranya Encik Shauki gagal menyelesaikan segala hutang bank. Pihak bank juga akan menyaman syarikat Encik Shauki,” kata Encik Ali iaitu Pegawai Bank Bugaraya.

“Saya faham, Encik Ali. Tapi, berilah saya **tempoh** dalam sedikit masa lagi. Saya perlu gunakan wang yang ada untuk membayar gaji pekerja-pekerja saya. Tambahan lagi, wang upah bagi projek yang akan datang mencukupi untuk membayar hutang bank,” rayunya.

5

“Saya minta maaf, Encik Shauki. Saya tidak boleh berbuat apa-apa. Ini ialah arahan pengurus saya. Saya harap Encik Shauki faham,” balas Encik Ali pula.

Dia sebaliknya hanya mampu **terkedu** apabila mendengar kata-kata Encik Ali itu. Dia sayangkan Syarikat Perkasa Construction Sdn. Bhd. Dia tidak sanggup melihat syarikatnya hanyut. Syarikat tersebut ditubuhkan dengan **modal** puluhan ribu dolar hasil titik peluh arwah ayahnya. Lebih-lebih lagi syarikat tersebut ialah harta pusaka peninggalan arwah ayahnya. Encik Ali perlu menyelamatkan syarikatnya.

10

“Baiklah, Encik Shauki. Saya minta diri dulu,” ucap Encik Ali sambil **bingkas** bangun.

Pintu segera terbuka. Sarina, iaitu Setiausaha Syarikat Perkasa Construction Sdn. Bhd. muncul dan terus berdiri memandang tepat wajahnya.

15

“Sudah cukup bulan. Semua kakitangan merungut kerana Encik Shauki masih lagi tidak keluarkan gaji,” kata Sarina.

Encik Shauki merasa lemah seluruh badan apabila mendengar kata-kata Sarina itu. Cawan kopi yang dipegangnya terjatuh ke lantai. Encik Shauki juga terpaksa mencapai ubat yang diberikan oleh doktor untuk menghilangkan rasa pening. Mereka memang berhak bersuara. Mereka semua sudah membanting tulang untuk syarikat Encik Shauki. Mereka layak diberikan gaji dan gaji mereka perlu dibayar secepat mungkin.

20

“Minta mereka semua supaya bersabar. Saya akan selesaikan perkara ini dengan secepat mungkin.”

25

Encik Shauki hanya mampu menghembus nafasnya. Doktor telah memberitahunya bahawa dia tidak mempunyai masa yang panjang lagi. Encik Shauki merahsiakan berita tersebut daripada keluarganya. Biarlah penyakitnya itu dia seorang diri yang tanggung agar tidak memusnahkan kebahagiaan keluarganya. Adik-adiknya pun tidak tahu tentang masalah kewangan yang dihadapinya. Semua adik-adiknya dibesarkan Encik Shauki sehingga mereka berjaya ke menara gading. Encik Shauki bangga atas pengorbanannya.

30

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan yang diberikan. Kemudian, tulis jawapan kamu dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Mengapakah syarikat Encik Shauki dalam bahaya? (3 markah)
- 22** Apakah alasan-alasan yang diberikan oleh Encik Shauki untuk menanggukkan pembayaran hutang bank? (3 markah)
- 23** Apakah yang mendorong Encik Shauki untuk menyelamatkan syarikatnya? (3 markah)
- 24** Mengapakah Encik Shauki tidak menyalahkan pekerja-pekerjanya yang merungut? (3 markah)
- 25** Encik Shauki tidak berasa tenang setelah mendengar kata-kata Sarina. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (5 markah)
- 26** 'Encik Shauki bangga atas pengorbanannya' (baris 31). Jelaskan pernyataan tersebut serta bukti-bukti. (5 markah)

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 30**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

- 27** tempoh (baris 4) (2 markah)
- 28** terkedu (baris 9) (2 markah)
- 29** modal (baris 11) (2 markah)
- 30** bingkas (baris 14) (2 markah)

Selesai